

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 19.11.2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta PERDANA MENTERI menyatakan kedudukan semasa dalam usaha SPRM menangkap Low Taek Jho @Jho Low untuk membantu dalam siasatan skandal kewangan 1MDB secara merentasi sempadan. Kenapa tidak digantung pasport antarabangsanya supaya ia dikerah pulang ke Malaysia secara terdesak.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

SPRM tidak menyiasat isu berkaitan 1MDB disebabkan pembahagian tugas telah dibuat oleh Peguam Negara ketika itu dimana siasatan 1MDB adalah di bawah bidang kuasa Polis Di Raja Malaysia (PDRM). SPRM hanya menjalankan siasatan ke atas SRC International dan derma RM2.6 bilion kepada YAB Perdana Menteri.

Bagi kes yang disiasat SPRM, pihak SPRM telah menghubungi peguam kepada Jho Low bagi menetapkan tarikh untuk dirakam percakapannya. Walaubagaimanapun, SPRM tidak dapat mendedahkan hasil perbincangan ini supaya tidak mengganggu siasatan yang sedang dijalankan.

Sekian, terima kasih.